

**SOALAN NO: 66**

maklumat terpelihara daripada ancaman penggadam dengan menggunakan alat-alat pencegahan seperti perisian anti-malware atau anti-virus.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI  
MAHMUD  
(KOTA RAJA)**

**TARIKH : 02.04.2014  
(RABU)**

**SOALAN:**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan motif pihak ATM mendakwa Mejar Zaidi Ahmad kerana mendedahkan isu dakwat tidak kekal dalam PRU-1.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Pertuduhan terhadap Mej Zaidi Ahmad TUDM adalah di atas kesalahan tidak mematuhi perintah-perintah tetap dan melanggar Akta Angkatan Tentera 1972.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Dato' Sri Liow Tiong Lai [ Bentong ]**

**TARIKH : 2 April 2014 (Rabu)**

**Dato' Sri Liow Tiong Lai [ Bentong ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status dan perkembangan Program Transformasi Ekonomi atau ETP dalam mewujudkan golongan pekerja bergaji tinggi serta menaikkan pendapatan rakyat dan negara.

**JAWAPAN:**

Program Transformasi Ekonomi (ETP) bertujuan untuk memacu ekonomi ke arah negara berpendapatan tinggi, merencanakan pelaburan swasta untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi, serta mencipta peluang pekerjaan bernilai tinggi. Sejak permulaan ETP pada tahun 2011 sehingga 2013, sebanyak 196 projek telah diumumkan. Projek-projek ini dianggarkan mempunyai nilai PNK (GNI) sebanyak **RM143.5 bilion** pada tahun 2020, serta jumlah pelaburan sebanyak **RM219.3 bilion**. Peluang pekerjaan sebanyak **437,816** sehingga tahun 2020 telah juga diwujudkan sehingga kini. PNK per kapita semakin meningkat daripada USD7,059 pada tahun 2009 kepada **USD10,060** pada tahun 2013, iaitu pertumbuhan **42.52** peratus dalam tempoh tersebut. Berdasarkan unjuran pertumbuhan ini, dan sekiranya tidak berlaku gangguan di luar jangka, kita dapat melaporkan bahawa Malaysia bukan hanya akan mencapai sasaran status ekonomi berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020, malah kita mungkin boleh mencapai matlamat ini lebih awal daripada yang dirancang. Sekian.